

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

Allah SWT mencipta manusia dengan sebaik-baik penciptaan. Jika disoroti firman-Nya dalam al-Qur'an, secara jelas dinyatakan bahawa manusia adalah makhluk yang sangat istimewa. Malah, manusia dianggerahkan akal fikiran agar memandu diri mengenal Penciptanya, selain wahyu yang menjadi pegangan utama.

Firman-Nya dalam surah at-Tin, ayat 4 bermaksud: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya."

Kejadian manusia bermula daripada penciptaan Nabi Adam AS, diikuti pasangannya Hawa. Kemudian diikuti dengan zuriat keturunan yang terbentuk daripada air mani di dalam badan manusia. Semuanya menjadi bukti kuasa dan kehendak Allah.

Dalam surah an-Nisa, ayat 1, firman-Nya bermaksud: "Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (Hawa) dan juga yang membiarkan daripada kedua-dua zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai."

Ayat ini panjang dan ia mengingatkan kita betapa perlunya untuk menginsafi bahawa penciptaan manusia termasuk diri kita sendiri adalah satutentuan Allah. Itulah hak mutlak Allah.

Justeru, selepas mengetahui hal berkenaan, apakah kewajipan kita sebagai manusia? Allah memerintahkan kita untuk bertakwa kepada-Nya, mengakui keesaan-Nya, sentiasa menyebut serta mengingati-Nya dan tidak ketinggalan untuk kita menjaga hubungan sesama manusia.

Nah, jelaslah yang kita ada tanggungjawab besar. Kita diperintah-

# Tiada diskriminasi jantina dalam Islam

■ Allah mengatur urusan berkaitan lelaki dan perempuan dengan adil



## FAKTA

Penciptaan lelaki dan perempuan daripada kalangan manusia adalah penciptaan paling baik dan setiap satunya mempunyai hak yang dipelihara

**PENENTUAN** lelaki ataupun perempuan tidak sekali-kali menafikan peluang mendapat ganjaran pahala daripada sisi-Nya.

kan untuk melakukan perkara disuruhan-Nya dan meninggalkan perkara dilarang oleh-Nya. Tugas ini amat besar dan perlu menjadi keutamaan kita semua.

Tiada erti kehidupan ini jika makin hari kita makin jauh dengan Pencipta.

Berbalik kepada hal mengenai penciptaan manusia yang terdiri daripada lelaki dan perempuan, sesungguhnya perlu difahami bahawa penentuan jantina seseorang manusia juga adalah kuasa mutlak Al-

lah. Tiada sebarang kuasa lain yang boleh memberi jaminan dan menentukan jantina seseorang.

Malah, penentuan jantina haiwan juga adalah hak mutlak Allah yang memperlakukan kekuasaan dan keagungan-Nya.

Jika kita perhatikan, dalam penciptaan lelaki dan perempuan ini, Allah mengaturkan segala urusan berkaitan kedua-duanya dengan adil.

Dalam aturan Islam, lelaki dan perempuan mempunyai kedudukan istimewa. Kedua-duanya hanya dibezakan pada beberapa keadaan, namun perbezaan itu tidak

sesekali merendahkan kedudukan, sebaliknya bertujuan memelihara kesetiaan dan kemuliaan.

Tiada istilah diskriminasi antara lelaki dan perempuan dalam Islam kerana masing-masing dipelihara dengan sebaiknya mengikut ketetapan ditentukan Allah SWT.

Justeru, tidak timbul soal lelaki ingin menjadi perempuan, begitu juga sebaliknya. Setiap daripada kita perlu akur dengan ketetapan gender ini kerana ia hak mutlak Allah. Apabila disebut hak mutlak Allah, maka segala usaha menyalahi ketetapan itu adalah salah dan perlu dijauhi.

Sekali lagi dijelaskan bahawa penciptaan lelaki dan perempuan daripada kalangan manusia adalah penciptaan paling baik dan setiap satunya mempunyai hak yang dipelihara.

Ingatlah bahawa tabiat lelaki yang ingin menjadi perempuan dan perempuan yang ingin menjadi lelaki adalah salah. Ia mengundang lakinat daripada Allah dan Rasul-Nya sekiranya golongan ini berterusan berada dalam keadaan demikian.

Imam al-Bukhari meriwayatkan hadis bahawa Rasulullah melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita.

Kita perlu sentiasa mensyukuri setiap nikmat dikurniakan Allah. Penentuan lelaki ataupun perempuan tidak sekali-kali menafikan peluang kedua-duanya untuk mendapat ganjaran pahala dari sisi-Nya.

Firman-Nya dalam surah an-Nahl, ayat 97 bermaksud: "Se-siapa beramal soleh daripada lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan baik; dan sesungguhnya Kami akan membalsam mereka dengan memberikan pahala lebih daripada apa yang mereka telah kerjakan."

**Penulis ialah pensyarah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**